

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI HAJI ABDUL RAHMAN BIN  
MOHAMAD [ LIPIS ]**

**TARIKH : OKTOBER – DISEMBER 2019**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status kerja-kerja naik taraf landasan kereta api di kawasan Lipis dan bilakah ianya akan beroperasi semula.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, bencana banjir besar yang melanda Sektor Pantai Timur KTMB pada 22 Disember 2014 telah mengakibatkan kerosakan teruk kepada landasan, infrastruktur dan sistem keretapi.
2. Berikutan kejadian tersebut, pada tahun 2015, Kerajaan telah memperuntukan dana berjumlah RM874.7 juta bagi kerja-kerja membaikpulih landasan, infrastruktur dan sistem keretapi tersebut. Kerja-kerja baikpulih ini telah dibahagikan kepada 3 pakej iaitu Pakej A (di antara Gemas dan Mentakab), Pakej B (di antara Mentakab dan Gua Musang) dan Pakej C (di antara Gua Musang dan Tumpat). Kawasan Lipis adalah termasuk dalam Pakej B.
3. Setakat bulan Oktober 2019, kemajuan kerja bagi ketiga-tiga pakej ini adalah sebanyak 80.24%, 88.51% dan 70.02% masing-masing yang mana ia dijangka siap serta beroperasi sepenuhnya bermula pada pertengahan tahun 2020.

Sekian, terima kasih.